


EL-WAZIF

e-Buletin



31 AUGUST

SALAM KEMERDEKAAN

DARI UNIT EL-WAZIF



Cawangan Melaka



SELAMAT HARI MERDEKA-64

Malaysia Prihatin

Sempena Bulan Kemerdekaan Malaysia ke-64, Unit EL-WAZIF mengucapkan salam kemerdekaan buat seluruh rakyat Malaysia. Marilah kita menjaga kehormanian negara ini dan menghayati nilai-nilai murni sesama masyarakat. Terima kasih kepada para pejuang, pemimpin negara, dan juga rakyat Malaysia yang bersama-sama memastikan negara kita kekal aman dan makmur. Semoga Malaysia sentiasa dilindungi Allah S.W.T.





EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 6/Ogos 2021

UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFaq (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai,
disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik
atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa
mendapat kebenaran secara bertulis daripada
pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN:

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

ISU & KANDUNGAN BULANINI

Lantikan Pakar Rujuk Waqaf & Zakat UiTM Caw. Melaka	1
Ceramah Awal Muharam 1443H	2
Mesyuarat El-Wazif	2
Progres WADI	3
Pekebun WaDI Masuk Bulan Ke-2	4
Rekod Agihan Zakat	5
Bersedekahlah Walau Dengan Cara Tersendir	6
Erti Sebuah Kesyukuran	7

SIDANG REDAKSI E-BULETIN EL-WAZIF

PENAUNG

Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor
Menjalankan Tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini

Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faidz Mohd Fadzil

Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

240766286_378380857060217_4980956295349881480_n.jpg
[Click here](#) to visit the page.

TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA USTAZ ABDUL HADI BIN MOHD SALLEH

Selaku Pakar Rujuk Waqaf Dan Zakat, UiTM Cawangan Melaka

Ustaz Abdul Hadi Bin Mohd Saleh merupakan pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa di bidang Bahasa Arab, UiTM Cawangan Melaka. Beliau telah dilantik menjadi pakar rujuk waqaf dan zakat bagi Unit El-Wazif berkuatkuasa mulai 15 Februari 2021 sehingga 14 Februari 2023.

Pakar rujuk adalah jawatan khas yang diwujudkan di setiap cawangan, bagi membantu menasihat pentadbir berkenaan wakaf dan zakat. Pakar Rujuk ini juga akan bertindak sebagai ahli jawatankuasa tabung amanah am zakat dan sedekah bagi cawangan masing-masing.


Semoga dengan perlantikan ini akan memantapkan lagi identiti dan melancarkan proses kerja EL-WAZIF. InshaaAllah.

Pihak pengurusan UiTM Cawangan Melaka turut merakamkan setinggi Penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Haji Rawi Bin Nordin, di atas segala sumbangan dan bakti sepanjang tempoh pelantikan sebagai Pakar rujuk waqaf dan zakat, EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka.

CERAMAH AWAL MUHARAM 1443H

10 Ogos 2021 - Telah diadakan ceramah semperna Awal Muharam melalui aplikasi Microsoft Teams. Ceramah ini merupakan anjuran Panitia Pendidikan Islam Dan PIBG SK Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Ceramah telah disampaikan oleh Ust. Muaz Bin Hj. Mohd Noor, Koordinator EL-WAZIF, UiTM Melaka.

Turut bersama pada sesi tersebut ialah Puan Rohani Binti Abd Rahman, Guru Besar SK Bukit Jalil dan juga En. Mohd Izwan Bin Ibrahim, YDP PIBG SK Bukit Jalil. Tajuk ceramah yang disampaikan ialah "Ibrah Hijrah Dan Taubat". Program yang berlangsung selama hampir dua jam ini disertai oleh warga SK Bukit Jalil, para pelajar, ibubapa dan orang ramai.



MESYUARAT EL-WAZIF

Mesyuarat kali ke-3/2021

Pada 23 Ogos 2021 telah berlangsung satu mesyuarat yang melibatkan semua seksyen di dalam unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka melalui aplikasi Google Meet.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor dan dihadiri oleh Koordinator serta penyelaras dan kakitangan pentadbiran El-Wazif.

Setiap unit telah membentangkan pelaporan seksyen masing-masing. Pelbagai isu-isu berbangkit telah diketengahkan, termasuk cadangan dari ahli mesyuarat untuk penambahbaikan gerak kerja El-Wazif di masa akan datang.

Antara agenda mesyuarat ialah laporan agihan zakat untuk sesi Mac-Ogos 2021, laporan agihan sumbangan infaq dari El Wazif, laporan projek WaDi dan lain-lain lagi.

Tidak ketinggalan, e-Buletin El-Wazif telah dicadangkan untuk memohon nombor e ISSN bagi memantapkan lagi penerbitan dan pengisiannya.



PROGRES WADI

Pekebun WaDI Masuk Bulan Ke-2

Terasa masa berlalu pantas, kini pekebun WaDI telah masuk bulan ke-2 menjalankan tanggungjawabnya sejak melaporkan diri pada awal bulai Julai yang lalu.

Kerja-kerja penyelenggaraan tanaman di kebun WaDI seperti memesin rumput, membaja dan meracun sedang giat dilaksanakan oleh beliau.

Berikut adalah gambar proses menggempur dan merumput serta gambaran sebelum dan selepas pembersihan di tapak Wadi.



PEKEBUN WADI MASUK BULAN KE-2


18 OGOS 2021: Profesor Dr Abd. Halim Mohd Noor, yang menjalankan tugas Rektor UiTM Melaka turun padang melawat kebun Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), ditemani Penolong Pengurus WaDI, en. Amran Abd Razak.

Menurut Prof Halim, kini bermula fasa penjagaan anak-anak pokok secara rapi, teliti dan bersistematis, agar perkembangan anak-anak pokok ini terjaga dan terpelihara seterusnya membesar mengikut jadual yang ditetapkan.

Sementara itu, pihak WaDI sedang menyiapkan dua unit tandas dan bumbung tambahan di bangunan storan dan stesen kerja WaDI secara gotong royong, diketuai oleh penolong ketua pengurus WaDI, En Amran bin Abdul Razak, bersama beberapa orang dari jawatankuasa teknikal WaDI.



**JUMLAH SUMBANGAN DAN
PERBELANJAAN WADI
(SEHINGGA 30 JULAI 2021)**
KUTIPAN: RM32,742.00
SASARAN - RM150,000.00
PERBELANJAAN: RM30,963.88



MARI BERWAQAF
SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE AKAUN
BANK ISLAM UITM CAWANGAN MELAKA
04024010017652
(REFERENCE: 'WAQAF DUSUN ILMU').





REKOD AGIHAN ZAKAT

Sesi Mac-Ogos 2021

Berikut adalah laporan perbandingan agihan zakat semester Oktober 2020 - Februari 2021 dengan semster Mac -Ogos 2021, meliputi ketiga-tiga kampus iaitu kampus Alor Gajah (KAG), Bandaraya (KBM) dan Jasin (KJM). Turut dilaporkan ialah pembahagian zakat mengikut pecahan kategori asnaf.

Berdasarkan data yang dikeluarkan, daripada sejumlah 707 pemohon zakat yang diluluskan, seramai 231 pelajar dari kalangan mereka adalah dari kategori asnaf fakir, 279 dari golongan asnaf miskin dan 197 lagi dikategorikan sebagai asnaf fi sabillah.

Bantuan zakat ini telah selesai diagihkan kepada para pelajar pada bulan Julai yang lalu.



BERSEDEKAHLAH WALAU KECIL-KECILAN, DENGAN CARA TERSENDIRI

Oleh: Siti Hajar Abd Aziz - Fakulti Komunikasi
Dan Pengajian Media, UiTM Melaka

Sebagai seorang Muslim, kita semua tahu akan kebaikan dan kelebihan sedekah, antaranya amalan tersebut berupaya menghapuskan dosa, ia membuka pintu rezeki dan menjauahkan diri kita dari sifat kedekut.

Dikatakan amalan bersedekah ini adalah antara amalan yang berat dilakukan, kerana sebilangan manusia tidak suka berkongsi hartanya. Media sosial hari ini kadang-kadang mengaburi mata kita dengan sedekah yang dikeluarkan oleh mereka yang hartawan, jadi mungkin akan ada yang terfikir, "Oh pendapatannya sudah tentu jutaan ringgit maka tidak hairanlah dia boleh bersedekah".

Ada pula yang pergi lebih jauh dengan mengumpul sumbangan ramai dengan misi sedekah kepada golongan tertentu, dan tentunya ini adalah perbuatan terpuji. Namun tidak semua orang mampu melaksanakan amalan edekah seperti ini.

Sebenarnya sedekah itu mudah dan tidak perlu disulitkan, Surah An-Nisaa' : ayat 114 [2] menyebut, "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar." Dari ayat ini jelas bahawa sedekah ini tidak semestinya dipertontonkan kepada umum, dan ia juga datang dalam berbagai jenis.

Ada yang suka bersedekah kepada haiwan dengan memberi makan haiwan-haiwan terbiar di jalan-jalan. Ada yang bersedekah kepada anak-anak kecil setiap kali mereka bertemu, ada yang bersedekah kepada adik-beradik, dengan memberikan saguhati kewangan contohnya duit raya dan sebagainya. Saya pula suka sedekahkan sahaja mata ganjaran kad keahlian kepada pengguna lain sewaktu berbelanja



Gambar: animalpath.org

di kedai serbaneka. Itu pun sudah berupaya mengukir senyuman dibibir seseorang.

Sekali-sekala saya hulurkan juga sedikit sumbangan secara atas talian kepada mereka yang ditimba musibah ataupun kepada pusat-pusat menjaga haiwan terbiar. Ada pula yang suka bersedekah dengan memberi ilmu secara percuma, ataupun menghulurkan pertolongan kepada memerlukan. Andai kata masih tidak mampu, sedekahlah pada pasangan kita pula.

Teringat satu kisah manis pada bulan Ramadhan beberapa tahun dahulu, bila saya bercadang untuk membeli sebuah ketuhar gelombang mikro untuk memanaskan makanan. Suami tidak bersetuju, dia cadangkan saya beli ketuhar supaya dia boleh sedikit demi sedikit belajar membuat kuih raya dan kek. Ya, suami saya memang gemar memasak. Pada ketika itu, saya fikir, tak mengapalah, saya turutkan kehendaknya, In Sha Allah ada rezeki yang lain untuk saya di masa hadapan.

Tapi apa yang memerlukannya saya beberapa hari selepas itu, sewaktu membantu kakak saya berpindah rumah, kakak menyuruh saya membawa pulang ketuhar gelombang mikro miliknya, dengan alasan dia tidak pandai menggunakan. Allahuakbar, syukur Alhamdulillah impian saya Allah makbulkan dengan dengan segera. Sejak itu saya makin percaya dengan kuasa sedekah, tambahan pula baginda Rasulullah (S.A.W) telah bersabda bahawa sedekah itu tidak akan mengurangi harta, In Sha Allah.

ERTI SEBUAH KESYUKURAN

Oleh: Noordiana Sukur

Diluar hujan semakin reda setelah turun mencurah curah sejak pagi tadi. Waktu waktunya begini hendak keluar pun tempat basah semua. Maka berkumpullah seisi keluarga di dapur. Duduk dan saling bertukar cerita, menikmati kudapan petang. Ubi rebus dan kopi di hari hujan. Cara orang Jawa, ubi rebus lawannya mestilah sambal yang pedas pedas. Jarang sekali dicicah bersama sambal tumis ikan bilis. Yang pastinya sambal godok atau sambal totok menjadi pilihan.

“Emak, ubi rebusnya ada lagi tak?” tanya Oli sesudah menghabiskan ubi yang terakhir di dalam pinggan. Pinggan kosong tersebut seakan berklat dibersihkan Oli. Langsung tidak bersisa.

“Tak ada lah Li. Emak dah masakkan semua ini. Kalau nak lagi, esok tolong abah cabut ubi kat tepi rumah tu. Bolehlah emak buat ubi goreng nanti.” cadang emak menyedapkan hati Oli.

Oli terangguk-angguk. Menerima cadangan emak. Esok ubi goreng? Biar betul Oli ni. Semalam ubi masak ‘ungkep’. Hari ini ubi rebus, dan esok resepi ubi goreng? Ya Allah, dah macam duduk di zaman penjajahan Jepun pula.

Cerita nyai tentang betapa susahnya hidup orang di Tanah Melayu suatu tika dahulu kini berulang tayang dilayar mata. Segala benda dicatu termasuk makanan. Sebutir beras pun susah hendak jumpa. Inikan pula dapat bertanak nasi. Alhamdulillah, bumi Tanah Melayu tanahnya subur untuk bercucuk tanam. Ubi kayu yang di tanam merata kampong buat pilihan mengalas perut yang kosong.

“Hari-hari ubi, muka kamu pun dah macam ubi” usikku seraya membuat wajah Oli masam mencuka.

“Daripada akak tu, hari-hari ayam. Hm..ayam gorenglah, ayam masak merahlah, ayam asam pedaslah. Ayam karilah. Semuanya makanan mahal-mahal. Oli suka yang murah-murah je. Makanan orang kebiasaan.” sindirnya buat aku mencebibik.

Tak kisahlah nak kata wajah ini macam ayam pun tidak mengapa. Sudah tentu-tentu lauk itu kegemaran aku.

“Cemburulah tu. Lagipun, kita bukan susah nak makan ayam. Abah bela berpuluhan-puluhan ekor ayam kampung. Semuanya sihat sihat. Kalau nak, tangkap sahaja. Kemudian sembelih, rebus dan bersihkan apa yang patut.” tuturku sambil meniru aksi bersahaja pelawak di televisyen.

“Samalah Oli. Pokok ubi kayu tu keliling dapur. Cabut dan keluarkan isinya sahaja.” Pertahan Oli pula. Mulut kecilnya sudah mengukir ejekan.

“Sudah..sudah..jangan bergaduh depan rezeki. Esok, mak kamu masak ubi dan ayam sekali. Dua-dua Yana dan Oli boleh makan puas-puas. Cakap sahaja. Oli, nak berapa batang? Sepuluh sahaja? Yana nak ayam berapa ekor? Nanti abah tangkapkan. Lima ekor cukup?” bicara abah mematikan pertengkaran kami.

Kami terdiam. Menunduk bagi patah leher. Sejujurnya tak mampu memandang wajah itu bila suara dalam abah bertukar garau dan tinggi. Abah marah.

“Dah selalu abah bagi ingat, depan rezeki tak elok bergaduh. Allah bagi rezeki untuk kita hargai. Macamana kalau Allah tarik rezeki sebab kakak dan adik tak hargai?” bicara emak melontar rasa kurang senang dek perilaku anak-anaknya.

“Tidak semua orang dapat merasai nikmat makan ayam dan ubi. Macam Epah, kesian kan dia? Baju sekolah pun dah tak warna putih. Kasut masih pakai yang lama lama. Nak berbelanja di kantin pun berkira-kira. Apatah lagi hendak merasa lauk pauk yang sedap macam ayam goreng. Allah hendak menduga, bila-bila masa sahaja. Cuba adik dan kakak bayangkan, kamu berdua berkeadaan demikian. Susah ke senang?” bicara abah nadanya tegas.

“Susah...” jawab kami serentak. Namun cukup perlahan.

Ubi atau ayam goreng? Mana-mana pilihan pun aku masih berbaju dan berkasut elok. Masih dapat bekalan nasi dan berlaukan ayam setiap hari. Tapi Efah...dia bukan seperti kami. Dia sekeluarga duduk menyewa di pekan. Manalah ada tanah nak bercucuk tanam dan membela ayam.

Sudahlah hidup dalam serba kekurangan, jadi pula mangsa usikan dan ejekan kawan di sekolah. Disaat pandemik Covid19 melanda dunia, seluruh keluarganya semakin hilang punca. Hanya pokok-pokok getah Haji Majed itulah sumber pendapatan mereka sekeluarga. Sesekali ayahnya pakcik Khalid datang ke rumah, mengambil upah menebas semak samun di kebun abah. Emak Efah pun lama dah tak bekerja di kedai Ah Lim. Kedai itu tutup lama sejak PKP kedua, kata orang kedai kain tersebut tak dapat beroperasi seperti selalu. 20 tahun tak pernah tutup lama. Tapi dek pandemik, Kedai Kain Ah Lim bakal tutup selama-lamanya

Aku pula manusia yang dilahirkan sederhana. Walau tidak semewah mana seharusnya lebih berterima kasih pada si DIA.

“ Adik minta maaf emak..” tergugup adik membalaq renungan kasih emak. Nasihat kecil tentang betapa perlunya menghargai kurniaan Allah Taala sungguh menusuk ke hati kami.

“ Kakak pun minta maaf..” kataku melahirkan kekesalan.

“ Sudah..sudah.. Tak muh menangis. Kakak dah besar panjang, adik pun macam tu. Kata nak jadi askar. Askar mana boleh nangis macam orang perempuan. Askar kena kuat dan tahan diuji.” Pujuk emak tatkala melihat kelopak mata kami yang mula bergenangan.

“ Kakak....” pujuk emak sambil mengusap-usap pipiku. Sentuhan itu buat aku sayu. Tak semena mena air mata yang ku seka sedari tadi tumpah juga.

“ Alahai...janganlah gembeng kakak” Oli dah tersenyum senyum menahan tawa. Dapat kakak terlebih sensitif. Bila dah sebak mulalah nak menangis. Bukan sedikit-sedikit, tapi dah meraung bagi tubuh kena palu.

Gembira dalam sederhana. Bersyukur apa adanya. Setiap dari kita diduga, Cuma dengan apa dan bagaimana, itu perjalanan diatur yang Esa. Terima kasih abah dan emak. Kerana selalu menegur bila kami alpa, mengingat bila kami lupa.